

ISU HAK DAN KEDUDUKAN WANITA MENURUT FEMINISME ANALISIS PERSPEKTIF HASHIM KAMALI

WOMEN'S RIGHTS AND STATUS IN FEMINIST DISCOURSE: AN ANALYTICAL REVIEW OF HASHIM KAMALI'S PERSPECTIVE

Syarifah Sofiyah Bhaif¹
Mohd Haidhar Kamarzaman^{2*}

¹ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: haidhar@ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: haidhar@ukm.edu.my)

*Corresponding author: haidhar@ukm.edu.my

Article history

Received date : 4-3-2026
Revised date : 5-3-2026
Accepted date : 1-4-2026
Published date : 8-4-2026

To cite this document:

Bhaif, S. S., & Kamarzaman, M. H. (2026). Isu hak dan kedudukan wanita menurut feminisme: Analisis perspektif Hashim Kamali. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 713 – 727.

Abstrak: *Perbincangan mengenai hak dan kedudukan wanita dalam masyarakat Islam semakin mendapat perhatian yang lebih meluas dalam konteks kontemporari, selari dengan kesedaran global terhadap isu-isu yang dikemukakan feminisme. Permasalahan kajian ini timbul apabila wacana feminisme yang dominan dalam literatur banyak dibentuk oleh perspektif sekular Barat, manakala analisis tokoh sarjana Islam kontemporari seperti Hashim Kamali terhadap isu wanita masih kurang diberikan perhatian akademik secara komprehensif. Oleh itu, kajian ini memfokuskan mengenai konsep dan isu hak dan kedudukan wanita menurut Feminisme serta menganalisis perspektif hujah Hashim Kamali melalui kerangka maqasid syariah, keadilan, dan martabat manusia. Kaedah kajian ini berbentuk analisis dokumen terhadap karya-karya utama feminisme serta tulisan, jurnal dan artikel Hashim Kamali yang berkaitan isu hak wanita, keadilan gender, dan prinsip Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat titik persilangan antara feminisme dan pandangan Hashim Kamali, khususnya dalam aspek penolakan diskriminasi, pengiktirafan hak pendidikan, dan perlindungan maruah wanita. Namun, perbezaan ketara muncul dalam definisi kesamarataan mutlak, konsep kebebasan individu, dan isu yang melibatkan kerangka moral seperti seksualiti dan struktur keluarga. Kajian ini menyumbang kepada perluasan wacana akademik mengenai dialog antara feminisme dan pemikiran Islam moden, serta menawarkan satu model analisis berasaskan maqasid yang lebih seimbang. Implikasi kajian menunjukkan keperluan pendekatan antara disiplin yang lebih kritikal bagi memahami isu gender dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari.*

Kata Kunci: *Feminisme; Hak dan Kedudukan Wanita; Hashim Kamali; Maqasid al-Shari'ah; Patriaki*

Abstract: *Discussion on the rights and status of women in Muslim societies has gained increasing prominence in contemporary contexts, in line with global awareness of issues raised by feminism. The problem of this study arises from the fact that dominant feminist discourse in the literature is largely shaped by Western secular perspectives, whereas the analyses of contemporary Muslim scholars such as Hashim Kamali on women's issues have received comparatively limited and less comprehensive academic attention. Therefore, this study focuses on the concepts and issues related to women's rights and status from a feminist perspective and examines Hashim Kamali's arguments through the framework of maqasid al-shariah, justice, and human dignity. This study employs a document analysis method involving major feminist works as well as relevant writings, journals, and articles by Hashim Kamali concerning women's rights, gender justice, and Islamic principles. The findings indicate that there are points of convergence between feminism and Kamali's views, particularly in rejecting discrimination, recognizing the right to education, and safeguarding women's dignity. However, significant differences emerge in areas such as the definition of absolute equality, the concept of individual freedom, and issues related to moral frameworks, including sexuality and family structure. This study contributes to expanding academic discourse on the dialogue between feminism and modern Islamic thought, and offers a more balanced maqasid-based analytical model. The implications suggest the need for a more critical interdisciplinary approach in understanding gender issues within the context of contemporary Muslim societies.*

Keywords: *Feminism; Women's Rights and Status; Hashim Kamali; Maqasid al-Shari'ah; Patriarchy*

Pengenalan

Isu hak dan kedudukan wanita merupakan salah satu perbahasan yang paling kompleks dan kontroversial dalam sejarah pemikiran moden. Dalam konteks moden, gerakan feminisme muncul sebagai usaha memperjuangkan kesamarataan gender dan kebebasan individu tanpa mengira latar budaya atau agama (Tong, 2009). Gerakan Feminisme ni muncul mengikut empat tahap gelombang arus. Gelombang pertama feminisme sejak akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20 tertumpu kepada isu kesamarataan, khususnya hak pengundian. Selanjutnya, tahap gelombang kedua feminisme akhir dekad 1960-an hingga dekad 1970-an menangani isu kesamarataan hak wanita bukan dalam arena politik sahaja, malahan keluarga, seksualiti dan pekerjaan. Gelombang ketiga feminisme pula bermula awal dekad 1990-an. Ia mengkritik gerakan wanita yang dipelopori feminis kulit putih di Barat, baik strategi politik mahupun wacana. Gelombang keempat berkait dengan isu seperti gangguan seksual, ejekan tubuh dan budaya rogol yang mendorong gerakan berwahanakan internet seperti kempen dalam talian dengan tanda pagar #MeToo yang menunjukkan solidariti wanita di seluruh dunia yang berhadapan dengan isu sama di tempat kerja, sekolah dan rumah (Hasan & Ramli, 2022).

Di Malaysia, feminisme telah berkembang meluas dan pragmatik, selaras dengan nilai agama dan budaya tempatan. Organisasi seperti Sisters in Islam, WAO dan AWAM telah memainkan banyak peranan dalam memperjuangkan hak wanita melalui perlindungan mangsa keganasan rumah tangga, serta penyebaran kesedaran mengenai kesamarataan gender. Tokoh-tokoh seperti Aminah Wadud, Zainah Anwar, Marina Mahathir dan Norani Othman telah memperkukuh wacana feminisme Malaysia, namun pendekatan mereka berbeza daripada feminisme Barat yang lebih radikal dan sekularisme, kerana ia lebih menekankan keseimbangan antara hak wanita dan prinsip moral, budaya, serta agama. Tokoh seperti Wadud (1999) dan Barlas (2002) berpendapat banyak tafsiran klasik al-Quran telah dipengaruhi oleh

konteks sosial dan budaya lelaki pada zaman silam, bukan semata-mata oleh teks wahyu. Oleh itu, mereka menekankan keperluan untuk menafsirkan al-Quran secara hermeneutik dan kontekstual bagi mengembalikan makna keadilan gender yang sebenar dalam Islam (Anwar, 2013).

Oleh hal yang demikian, muncul konteks pemikiran Islam dimana pengkaji memilih Kamali (2000) yang merupakan antara sarjana kontemporari yang menekankan keadilan, martabat manusia, dan perlindungan hak wanita melalui kerangka maqasid syariah. Beliau merupakan Pengerusi Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) Malaysia. Beliau juga seorang Profesor Undang-undang dan Perundangan Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1985-2004), dan juga Dekan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC) dari 2004 hingga 2006. Selain itu, beliau juga Profesor Pelawat di Capital University, Ohio, dan juga di Institut Kajian Lanjutan (Wissenschaftskolleg) Berlin (Kamali, 2013). Dengan latar belakang akademik yang luas, wacana beliau mengenai hak dan kedudukan wanita menonjolkan pendekatan yang progresif namun tetap berpaksikan prinsip-prinsip syariah. Maqasid syariah menekankan bahawa pengiktirafan hak wanita bukan hanya bersifat formal, tetapi substantif, iaitu menekankan kesejahteraan, perlindungan maruah, dan pemeliharaan fungsi sosial wanita dalam masyarakat.

Justeru, kajian ini penting kerana memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh isu-isu hak dan kedudukan wanita menurut feminisme dan pemikiran Islam kontemporari, yang kerap kali menjadi isu sensitif dalam masyarakat Muslim. Kemunculan feminisme pada akhir abad ke-20 menandakan kesedaran baru dalam kalangan sarjana Muslim untuk menilai semula tafsiran tradisional terhadap teks agama yang sering bersifat patriarki. Walaupun pendekatan ini membuka ruang wacana baru yang segar, namun ia juga mengundang kritikan daripada sarjana tradisional yang menilai wacana feminisme sebagai terlalu liberal dan terpengaruh dengan epistemologi Barat. Dengan meneliti karya-karya feminisme dan tulisan Hashim Kamali secara kritis, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada wacana akademik tentang hak wanita, keseimbangan antara nilai agama dan tuntutan sosial, serta menyediakan panduan untuk pendekatan yang lebih harmoni kepada masyarakat Muslim.

Kajian Literatur

Kajian mengenai hak dan kedudukan wanita telah dibincangkan secara meluas dalam literatur feminisme dan pemikiran Islam. Bagi menghasilkan kajian ini, pengkaji telah meneliti pelbagai sumber dan kajian terdahulu berkaitan hak dan kedudukan wanita dalam Islam serta perspektif feminisme. Tinjauan literatur ini akan dibahagikan kepada beberapa tema utama, termasuk konsep, pandangan tokoh Islam kontemporari, serta perbandingan antara prinsip feminisme dan Islam dalam memperjuangkan hak wanita.

Gerakan feminisme muncul sebagai respons terhadap ketidakadilan sosial yang dialami oleh wanita sepanjang sejarah. Menurut Tong (2009), feminisme menekankan kesamarataan gender secara mutlak dalam semua aspek kehidupan politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Di Barat, feminisme sekular berkembang melalui tiga gelombang yang utama: gelombang pertama menekankan hak-hak politik dan undang-undang; gelombang kedua fokus pada kesedaran sosial dan budaya manakala gelombang ketiga menumpukan pada diversiti dan hak individu (Hasan & Ramli, 2022).

Dalam konteks Islam, hak dan kedudukan wanita diperoleh melalui prinsip '*adl* (keadilan) dan *ihsan* (kebaikan), yang menekankan keseimbangan tanggungjawab dan hak antara lelaki dan

wanita (Kamali, 2000). Al-Qaradawi (1995) menegaskan wanita dalam Islam mempunyai hak yang setara dalam pendidikan, pekerjaan dan aktiviti sosial, namun tanggungjawab mereka disesuaikan dengan fitrah dan peranan semula jadi. Rahman (1982) pula menekankan bahawa tafsiran teks agama mestilah kontekstual dan berpaksikan kepada semangat moral al-Quran, agar keadilan sejagat dapat dicapai. Dalam konteks Malaysia, wacana ini relevan bagi memahami peranan wanita Muslim dalam masyarakat moden dan global tanpa menolak prinsip syariah. Islam tidak menolak hak wanita, sebaliknya mengiktiraf peranan mereka dalam pembinaan masyarakat dengan menekankan nilai ‘*adl* (keadilan), *rahmah* (kasih sayang), dan *ihsan* (kebaikan). Al-Qaradawi (1995) juga menyatakan bahawa Islam meletakkan wanita sebagai ‘rakan kongsi lelaki dalam tanggungjawab dan pahala’, bukan sebagai subordinat yang harus tunduk secara membuta tuli kepada lelaki.

Dalam Malaysia, kajian oleh Othman (2006) dan Hasan (2012) mendapati wanita intelektual Muslim cenderung menerima kerangka maqasid syariah sebagai asas reformasi gender. Literatur empirikal ini penting kerana tesis anda bukan hanya analisis teori, tetapi juga menilai wacana sebenar yang berlaku dalam masyarakat Muslim semasa. Perdebatan kontemporari mengenai gender dalam Islam turut diperkaya oleh sarjana seperti Ali (2006), Ahmed (1992) dan Ayubi (2019). Kecia Ali menilai struktur patriarki yang mempengaruhi hukum fiqh, terutama dalam isu seksualiti, perkahwinan dan perwalian. Beliau menyatakan bahawa etika Islam moden memerlukan penilaian semula terhadap hukum klasik supaya lebih selari dengan realiti sosial semasa. Ahmed (1992) dalam karya awalnya, *Women and Gender in Islam* menjelaskan amalan patriarki dalam masyarakat Muslim banyak dipengaruhi oleh konteks sejarah luar seperti budaya Mesir Purba, Byzantium dan Hellenistik, bukan ajaran al-Quran secara literal. Zahra Ayubi pula menekankan bahawa etika klasik Islam tentang moraliti dan hubungan gender boleh dibaca semula melalui prinsip insaniyyah dan maqasid syariah untuk memulihkan keseimbangan keadilan gender. Kesemua sarjana ini memberikan sumbangan penting dalam membina wacana yang lebih menyeluruh mengenai gender dalam Islam.

Dalam konteks perbandingan antara feminisme dan Islam, sarjana seperti Moghissi (1999) menonjolkan perbezaan asas antara kedua-duanya dari sudut epistemologi. Moghissi menyatakan bahawa feminisme sekular melihat agama sebagai sisi yang menyekat pembebasan wanita, manakala feminisme Islam menganggap agama sebagai sumber legitimasi moral dan perubahan sosial. Perbezaan ini menimbulkan ketegangan intelektual yang memerlukan kerangka analisis yang lebih berhati-hati. Kajian Ayubi (2019) pula menunjukkan bahawa walaupun tradisi etika Islam klasik tidak dibina dengan tujuan feminis, ia mengandungi ruang untuk interpretasi semula berdasarkan maqasid syariah yang menekankan konsep keadilan dan kesejahteraan manusia. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat titik temu antara kedua-dua pendekatan, namun masih memerlukan proses penyelarasan intelektual yang mendalam.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ini membolehkan segala maklumat dan pemahaman berkaitan feminisme dan pandangan Hashim Kamali dihuraikan dalam bentuk teks yang teratur, sekali gus memudahkan pengkaji meneliti isu hak dan kedudukan wanita secara mendalam. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah analisis dokumen, kerana kaedah ini dapat memberikan maklumat yang relevan dan bersifat autentik berhubung isu serta permasalahan yang dikaji (Jasmi, 2021). Proses analisis dokumen dalam kajian ini melibatkan penelitian terhadap karya-karya feminis seperti tulisan Mary Wollstonecraft, Beauvoir dan Friedan, serta karya utama Hashim Kamali yang membincangkan hak wanita, keadilan, dan maqasid syariah. Data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis menggunakan teknik analisis

kandungan melalui kaedah deskriptif bagi mengeluarkan tema-tema utama seperti konsep kesamarataan gender, isu patriarki, prinsip keadilan dalam Islam, dan martabat wanita dalam kerangka maqasid. Selain itu, pengkaji turut memanfaatkan penggunaan jurnal akademik, artikel ilmiah, buku-buku kontemporari, dan sumber digital berautoriti untuk mendapatkan rekod dan maklumat yang tepat serta terkini berkaitan tajuk kajian. Pendekatan ini membolehkan kajian dijalankan secara sistematik dan menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh dan berdaya tahan akademik.

Dapatan Kajian

Konsep Hak dan Kedudukan Wanita

Hak merupakan sesuatu milik semula jadi, manakala kebebasan adalah sesuatu yang kita mahukan. Pelbagai tafsiran yang dibuat dalam mendefinisikan kedua-duanya. Hak dan kebebasan merupakan dua perkara yang berbeza tetapi berada di dalam konteks yang sama. Hak adalah satu senarai hak dasar atau idea abstrak mengenainya dan dimiliki oleh seseorang individu, sedangkan kebebasan adalah kemampuan individu tersebut untuk melakukan hak tersebut bilamana mahu (Rahman, 2018). Manakala, kedudukan pula ialah kedudukan sesuatu objek di sesuatu tempat (Nur Azura, 2012). Menurut kamus dewan edisi keempat (2017), kedudukan membawa maksud tingkatan taraf martabat, darjat atau tiap-tiap orang ada harapan untuk mendapat pangkat yang tinggi dalam negaranya.

Hak dan kedudukan wanita pula merujuk kepada tuntutan yang membolehkan wanita menikmati keadilan, maruah, dan peluang yang sama dalam struktur sosial, undang-undang, ekonomi dan keluarga. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi keempat mendefinisikan hak sebagai kuasa atas sesuatu atau untuk berbuat sesuatu ditentukan oleh undang-undang, agama, adat istiadat dan lain-lain seperti tiap-tiap anak ada hak atas harta pusaka peninggalan bapanya. Dalam bahasa Arab, istilah hak mempunyai pelbagai makna yang berkisar kepada maksud ketetapan dan kewajipan. Adapun makna terminologinya, berdasarkan Dr. Mustafa al-Zarqa', hak adalah suatu keistimewaan yang ditetapkan oleh syarak sama ada sebagai kuasa atau tanggungjawab. Menurut Prof. Dr. Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhailī dalam kitabnya *Al-Fiqh al-Islāmiy Wa Adillatuhu*, definisi tersebut adalah baik kerana merangkumi pelbagai jenis hak agama, seperti hak Allah SWT ke atas hamba-hamba-Nya dalam bentuk solat, puasa dan seumpamanya serta hak-hak sivil seperti hak pemilikan dan lain-lain Keempat (Majlis Agama Islam Selangor, 2023). Secara ringkasnya, hak-hak wanita Islam merangkumi hak-hak sebelum dan semasa perkahwinan, serta selepas perpisahan dengan pasangan sama ada bercerai hidup atau disebabkan kematian suami. Isu yang paling besar berbangkit adalah yang merujuk kepada hak-hak sebagai isteri, walaupun hak-hak tersebut turut merangkumi tanggungjawab seorang bapa kepada anak perempuannya ataupun anak lelaki kepada ibunya (Institusi Kefahaman Islam Malaysia, 2010).

Kedudukan wanita pula pada masa sebelum Islam, kaum wanita selalu ditempatkan posisi sebagai 'objek'. Wanita dianggap kurang berharga, sehingga selalu dieksploitasi melebihi batas-batas perikemanusiaan. Disamping pemikiran yang merendahkan kaum wanita, dalam realiti kehidupan juga muncul sikap dan perlakuan yang merendahkan bahkan melecehkan kaum wanita (Hamami & Barirotun, 1994). Azahar dan Rahman (2022) menyatakan bahawasanya kedatangan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w merupakan titik tolak penaiktarafan martabat wanita di sisi agama dan masyarakat dalam erti kata membebaskan wanita daripada diskriminasi dan penindasan yang berlaku sebelumnya. Apa yang penting, hak-hak wanita yang dinafikan sebelumnya telah dikembalikan semula kepada wanita, dan status

wanita dihormati sama seperti lelaki. Lazimnya, banyak ayat al-Quran menyebut lelaki dan wanita dalam satu-satu ayat, mencerminkan bahawa Islam tidak mendiskriminasi golongan wanita. Firman Allah SWT:

“Hai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal” (al-Hujurat: 13).

Pemahaman asas konsep hak dan kedudukan wanita ini menjadi asas penting sebelum meneliti isu-isu semasa, khususnya kritikan feminisme terhadap hak dan kedudukan wanita dalam masyarakat Islam. Hal ini kerana pendekatan tersebut hendaklah selaras dengan prinsip Islam yang berteraskan maqasid syariah sebagaimana dihuraikan oleh Hashim Kamali, dan bukannya sekadar mengikut tuntutan feminisme Barat.

Isu-isu Hak dan Kedudukan Wanita menurut Feminisme

Gelombang pertama feminisme muncul di Amerika Syarikat pada tahun 1848 merupakan usaha untuk memperjuangkan kebebasan yang lebih besar bagi wanita melalui hak mengundi, hak untuk pendidikan, autonomi reproduktif dan hak untuk memiliki harta kerana tanpa hak-hak ini, wanita dianggap sebagai warganegara kelas kedua yang bergantung kepada lelaki dan keadaan sekeliling (Lindemann, 2023). Perkembangan ini menjadi asas kepada gerakan feminisme moden yang menuntut pembaharuan undang-undang, perubahan struktur sosial dan pengiktirafan maruah serta kebebasan wanita.

Kesamarataan Gender (*Equality Mutlak*)

Kesamarataan gender merujuk kepada sikap golongan feminisme yang berusaha untuk memperjuangkan keinginan dalam menyamakan kedudukan antara lelaki dan wanita dari aspek hukum syariah. Perjuangan untuk menyamaratakan kedudukan berlaku disebabkan oleh diskriminasi yang dilakukan oleh sesetengah negara yang membawa Islam sebagai simbolik negaranya (Muammar, 2009). Gerakan feminisme Barat yang bertujuan mewujudkan persamaan hak di antara lelaki dan perempuan “gender equality” telah bermula sejak tahun 1960-an di Amerika Syarikat (Alias & Sa’ari, 2006). Golongan feminisme juga telah memberi pandangan berkenaan kesamarataan gender dan menuntut beberapa perkara agar hak wanita juga sama seperti kaum lelaki. Hal ini demikian kerana feminisme telah mempersoalkan hak-hak wanita dalam Islam kerana mereka berpandangan wanita Islam ditindas dan dikongkong. Golongan feminisme mempertikaikan ketidakadilan yang terdapat dalam kitab tafsir klasik dan menafsirkan ajaran agama sesuai dengan aliran semasa dan sosio budaya (Alias et al., 2020).

Patriaki dan Dominasi Sosial

Feminisme muncul sebagai kuasa penentang yang kuat terhadap dominasi patriarki, mewakili kerangka intelektual dan gerakan sosial yang didedikasikan untuk mencabar ketidaksamaan berasaskan jantina dan menyokong hak dan pembebasan semua jantina (Tripathi, 2025). Gerakan Feminisme merumuskan kehidupan masyarakat masih bersifat patriaki dan kaum lelaki masih mendominasi ke atas kedudukan golongan wanita dimana ianya menjadi punca utama isu penindasan dan diskriminasi terhadap wanita tetap berterusan (Siraj, 2015; Alias et al., 2020). Buktinya, Sister In Islam (SIS) menentang Syariah yang dianggap bersikap bias gender, sentiasa melebihkan lelaki dan mendiskriminasi wanita. Menurut SIS, Syariah telah membezakan lelaki dan perempuan dalam banyak fasal perundangannya. Sikap bias gender dan

diskriminasi terhadap wanita oleh Syariah terbukti setelah ia mengkhususkan fungsi wanita (atas alasan faktor maruah dan kesesuaian biologi) kepada peranan-peranan yang bersifat domestik dalam skop yang kecil dan terbatas (Ismail & Hassan, 2021).

Hak Kebebasan Wanita Bekerja

Feminisme menjelaskan mereka menuntut wanita bebas bekerja dan menolak diskriminasi pekerjaan berdasarkan jantina (Tong, 2009). Gerakan ini menegaskan wanita berhak bebas bekerja dalam apa jua bidang dan menolak stereotaip bahawa wanita hanya sesuai untuk tugas domestik atau profesion tertentu, sebaliknya menuntut kesamarataan gaji, kenaikan pangkat, latihan, dan peluang kerjaya yang adil dan selamat. Hak wanita bekerja dianggap sebagai sebahagian daripada hak asasi manusia dan kebebasan individu, serta penting untuk mencapai keadilan sosial dan pengiktirafan maruah wanita (UN, 1979). Sebaliknya, feminisme menuntut kesamarataan gaji bagi pekerjaan sama nilai, peluang kenaikan pangkat yang adil, akses kepada latihan dan pembangunan kemahiran, serta suasana pekerjaan yang selamat dan inklusif, kerana semua ini penting untuk membolehkan wanita bersaing secara setara dalam pasaran kerja dan membina kestabilan ekonomi peribadi dan keluarga (UN, 1979; UN Women, 2020). Feminisme melihat hak bekerja sebagai sebahagian daripada hak asasi manusia dan kebebasan individu, yang membolehkan wanita mencapai potensi sepenuhnya, membina kemandirian ekonomi, dan berperanan aktif dalam pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat (Beauvoir, 1949; Friedan, 1963).

Kebebasan Berhijab

Feminisme Barat mengkritik agama sebagai sumber patriarki yang menetapkan peranan gender tidak adil, sehingga menuntut tafsiran semula norma agama untuk autonomi wanita, termasuk dalam isu hijab yang dilihat sebagai simbol penindasan sosial. Sisters in Islam menolak sebarang percubaan oleh mana-mana kerajaan untuk menetapkan apa jua undang-undang terhadap pakaian samada untuk memaksa wanita menutup ataupun mendedahkan kepala mereka. Mereka yang menentang undang-undang Perancis sebagai suatu penyekatan yang tidak adil terhadap kebebasan beragama seharusnya, atas prinsip yang sama, juga menentang undang-undang kerajaan Arab Saudi dan Iran yang mewajibkan pemakaian tudung di tempat-tempat awam serta undang-undang kerajaan Turki yang mengharamkan pemakaian tudung di institusi-institusi awam. Apa yang perlu diakui adalah perdebatan dan penumpuan perbincangan mengenai pakaian wanita terutama isu tudungnya, adalah lebih kepada isu politik dan identiti, berbanding dengan isu keimanan dan ketakwaan (Sister in Islam, 2004). Kelompok feminis yang menolak cenderung beranggapan bahawa ketika perempuan memutuskan untuk mengenakan hijab, mereka sedang berada di bawah tekanan lingkungan sosial, sehingga keputusan yang diambil bukan keputusan pribadi melainkan karena tuntutan atau paksaan (Nurvitarsari, 2018).

Perspektif Hashim Kamali terhadap Hak dan Kedudukan Wanita

Masyarakat kini terdedah kepada pengaruh budaya luar di mana isu hak dan kedudukan wanita adalah isu sensitif dan menjadi kontroversi. Isu-isu ini menjadi semakin ketara dalam kalangan umat Islam dengan kemunculan pengaruh Barat, proses pemodenan, serta hakikat bahawa bagi banyak masyarakat Islam, sebahagian besar hak yang diberikan kepada wanita melalui Islam telah dilanggar dan diabaikan akibat amalan budaya dan kejahilan. Pelbagai pihak, termasuk golongan feminis, telah mengkritik Islam berkaitan status dan hak wanita serta ketidakpatuhan sesetengah pihak terhadap prinsip-prinsip Islam. (Alyati & Zakaria, 2017). Oleh itu, pengkaji memilih moden tokoh Hashim Kamali sebagai pandangan Islam mengenai hak dan kedudukan

wanita yang perlu dianalisis dengan teliti agar tidak tertukar antara prinsip syariah dengan tafsiran budaya atau pengaruh luar.

Kesamarataan menurut Syariah (Bukan *Equality* Mutlak)

Di dalam buku Kamali (2002), iaitu *Freedom, Equality and Justice in Islam* menyatakan bahawa Islam memang mengiktiraf bahawa setiap Muslim lelaki dan wanita mempunyai hak dan tanggungjawab asas secara setara, tetapi menolak *equality* mutlak kerana Islam menilai keadilan bukan samaratanya bentuk. Perkara ini dikatakan kerana lelaki dan wanita adalah sama dalam Islam. Seperti dalam hal intipati maruah manusia, ganjaran dan akauntabiliti untuk kelakuan peribadi, dan perkara yang berkaitan dengan hak harta, akhlak dan agama. Walau bagaimanapun, terdapat perselisihan mengenai sama ada wanita menikmati kesaksamaan dalam hak politik dan penyertaan dalam kerajaan. Terdapat juga beberapa perbezaan antara jantina dalam bidang undang-undang keluarga, termasuk perkahwinan, perceraian dan pewarisan. Hashim Kamali menekankan bahawa kesamarataan ini tidak bermaksud identik dalam semua aspek, khususnya dalam hukum keluarga dan tanggungjawab sosial perbezaan tertentu dibenarkan oleh syariah selagi prinsip keadilan dan maqāsid syariah dipelihara. Dengan kata lain, Islam menurut beliau juga, kesamarataan dalam hak asas dan keadilan sambil mengiktiraf bahawa beberapa peranan dan tanggungjawab boleh dibezakan berdasarkan konteks, fitrah, dan qiwāmah, tanpa menafikan martabat atau hak wanita. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa kesamarataan dalam Islam bersifat normatif dan berprinsip, bukan literal sama rata dalam semua peranan dan tanggungjawab, tetapi tetap menegaskan keadilan sebagai asas utama. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa, ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Anggapan Agama sebagai Patriarki

Salah satu isu yang menjadi kebimbangan umum ialah kedudukan syariah mengenai hak wanita sering kali disamakan dengan adat patriarki yang menjejaskan hak mereka. Keadaan wanita berbeza-beza di kalangan negara dan rantau Islam yang cenderung mempunyai ciri budaya tersendiri, serta menghadapi cabaran yang serupa tetapi juga berbeza. Beliau juga menekankan pentingnya membezakan antara hukum syariah dan tradisi budaya bukan hanya kerana sesuatu budaya menganggap wanita hanya untuk rumah tangga, tidak bermaksud Islam menetapkan demikian rupa (Kamali, 2017). Di dalam buku beliau iaitu *Freedom, Equality and Justice in Islam* (Kamali, 2002), banyak bentuk penindasan atau sekatan terhadap wanita di masyarakat Muslim tidak bersumber daripada ajaran Islam itu sendiri, tetapi daripada budaya, adat, dan norma patriarki yang telah lama berakar dan kadang-kadang disalah tafsir sebagai hukum syariah. Menurut Hashim Kamali, salah faham ini menyebabkan wanita dibatasi secara sosial, ekonomi, dan politik, termasuk sekatan terhadap hak bekerja, hak memiliki harta, dan hak untuk berpartisipasi dalam pengurusan keluarga dan masyarakat. Sedangkan jika difahami dengan betul, Islam membawa keadilan dan kesamarataan (Musawwat) hak. Perspektif Hasim Kamali ini menunjukkan tuntutan-tuntutan hak wanita sebenarnya sejalan dengan prinsip Islam, asalkan

dibaca dan difahami dengan tepat, dan tidak dicampur aduk dengan norma budaya yang patriarki.

Hak Bekerja adalah Hak Asasi Individu dalam Islam

Kamali (2020) menyatakan kerja dari perspektif Syariah boleh dinilai sama ada disyorkan (*mandūb*) atau wajib (*wajib*), begitu juga ia boleh, dalam erti negatif, diklasifikasikan sebagai tercela (*makrū*) atau terlarang (*Harām*). Kerja adalah digalakkan jika ia memberi manfaat dan mencegah individu daripada bergantung kepada orang lain, kemiskinan dan mengemis. Kerja yang wajib boleh terdiri daripada kewajipan peribadi (*fard 'ayn*) atau kewajipan kolektif (*fard kifā'i*). Namun, apabila masuk ke konteks wanita bekerja, Hashim Kamali menyatakan bahawa Syariah memberi hak kepada wanita untuk bekerja dan mencari nafkah bila-bila masa mereka memerlukannya atau apabila mereka dapat memberikan sumbangan khas kepada masyarakat (*al-Ghazali 1993; Abu Zahrah, 1974*). Tetapi, ditambah bahawa wanita boleh menyertai tenaga kerja dalam empat situasi iaitu apabila mereka mempunyai kebolehan dan kemahiran yang amat bernilai kepada masyarakat secara keseluruhan, apabila mereka menjalankan kerja yang sangat sesuai untuk mereka seperti bekerja dalam penjagaan kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, apabila wanita bekerja berdampingan dengan suami dan keluarga mereka serta membantu mereka dalam kerja dan apabila seorang wanita perlu mencari nafkah untuk menyara dirinya dan keluarganya dan tiada sesiapa lain untuk menyokongnya, dan terpaksa bekerja atas dasar keperluan. Oleh hal yang demikian, perspektif Hashim Kamali menekankan bahawa wanita diberi hak bekerja berdasarkan syariah, tetapi dalam konteks yang bersesuaian dan bermanfaat, dengan batasan yang mengutamakan kepentingan keluarga dan masyarakat bukannya kebebasan secara mutlak.

Keseimbangan Hak dan Kewajipan

Perspektif Hashim Kamali, dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia menekankan keseimbangan antara hak individu wanita dan kewajipan syariah, termasuk dalam isu pemakaian dan identiti Muslimah (Kamali, 2000). Islam mengiktiraf hak wanita untuk pendidikan, pekerjaan, dan kebebasan sosial, namun hak-hak ini mesti diselaraskan dengan prinsip syariah yang hakiki dengan menegaskan kewajipan menutup aurat sebagai sebahagian daripada martabat dan tanggungjawab rohani seorang muslimah itu (Kamali, 2008). Maka, pemakaian hijab bukan sekadar amalan budaya atau pilihan peribadi, tetapi merupakan melahirkan hak dan tanggungjawab yang dijamin dalam kerangka undang-undang Islam di Malaysia, selaras dengan *maqāsid* syariah yang menekankan kesejahteraan, martabat, dan kesederhanaan (Kamali, 2000). Penjelasan ini menerangkan bahawasanya kebebasan sosial dan hak individu wanita perlu dihormati dalam batasan syariah, serta memberi asas untuk menilai secara kritis pandangan yang menolak kewajipan berhijab tanpa menafikan hak wanita dalam ruang sosial dan ekonomi (Kamali, 2008).

Pendekatan Berasaskan Maqasid Syariah

Dalam kerangka pemikiran Hashim Kamali, pendekatan berasaskan *Maqasid* Syariah menekankan bahawa undang-undang Islam harus difahami berdasarkan tujuan dan maslahat yang ingin dicapai, bukan sekadar literal teks semata. Beliau juga menyatakan bahawa Syariah bertujuan melindungi lima aspek asas kehidupan manusia, iaitu *dīn* (agama), *nafs* (nyawa), *aql* (akal), *nasl* (keturunan), dan *māl* (harta) (Kamali, 2008). Hukum syariah diformulasikan untuk memastikan maslahat ini tercapai, dengan mengutamakan keadilan substantif dalam masyarakat (Kamali, 2011). Dalam konteks hak dan kedudukan wanita, pendekatan *maqasid* membolehkan penafsiran yang dinamik terhadap pendidikan, pekerjaan, dan kebebasan sosial, selari dengan prinsip keadilan, martabat, dan masalah umum (Kamali, 2008; Kamali, 2011).

Beliau juga menekankan ijthad berasaskan maqasid memberikan ruang untuk tajdid (pembaharuan) tanpa mengorbankan prinsip asas syariah, membolehkan hukum kontemporari relevan dengan keperluan masyarakat moden. Secara metodologi, maqasid berfungsi sebagai kompas moral setiap hukum atau keputusan perlu diteliti sama ada ia mendatangkan masalah atau mafsadah, dan hak wanita dijamin melalui kerangka ini (Kamali, 2021). Tuntasnya, ini menjadikan hak wanita, termasuk hak pendidikan, pekerjaan, dan kebebasan sosial, bukan sekadar kebebasan individual, tetapi terikat dengan nilai moral dan norma syariah, sesuai dengan prinsip maqasid syariah (Kamali, 2008; Kamali, 2011; Kamali, 2021; Kamali, 2025).

Perbincangan

Perbandingan isu Hak dan Kedudukan Wanita menurut Feminisme dan Perspektif Hashim Kamali.

Jadual 1: Ringkasan Perspektif Isu Hak dan Kedudukan Wanita

Isu	Pandangan Feminisme	Pandangan Hashim Kamali
Kesamarataan Gender	Menekankan kesamarataan mutlak dalam hak sosial, politik, pendidikan, dan autonomi individu; menolak sebarang pembahagian peranan berasaskan gender.	Menekankan keadilan substantif (<i>equity</i>) berasaskan maqasid syariah; kesamarataan ditafsirkan secara kontekstual mengikut fungsi sosial, tanggungjawab moral, dan keseimbangan masyarakat.
Patriarki dan Dominasi Sosial	Mengkritik struktur patriarki yang mengekalkan dominasi lelaki dan menindas wanita; menuntut transformasi sosial menyeluruh.	Mengakui wujud ketidakadilan, tetapi struktur sosial dan peranan gender bertujuan menjaga keharmonian dan kesejahteraan keluarga; reformasi dicadangkan berasaskan keadilan syariah, bukan penghapusan total
Hak kebebasan wanita bekerja	Wanita bebas bekerja secara mutlak, tanpa sekatan gender, dan pekerjaan menjadi instrumen kebebasan ekonomi serta autonomi peribadi	Wanita dibenarkan bekerja selagi mematuhi norma syariah dan tidak mengabaikan tanggungjawab keluarga; hak bekerja diukur berdasarkan tujuan maqasid syariah dan menjaga maruah serta fungsi sosial.
Kebebasan Berhijab	Tiada paksaan dalam memakai hijab	Hijab diwajibkan dalam Islam sebagai perintah syariah kebebasan berhijab berada dalam kerangka ketaatan dan pemahaman nilai agama, bukan kebebasan tanpa batas.

Kesamarataan Gender (*Equality Mutlak*)

Feminisme menekankan kesamarataan mutlak sebagai prinsip utama dalam memperjuangkan hak wanita, di mana wanita sepatutnya mempunyai peluang, hak dan kedudukan yang sama dengan lelaki dalam semua aspek kehidupan sosial, ekonomi, politik, dan pendidikan. Prinsip ini menolak sebarang bentuk pembahagian peranan berasaskan gender yang dianggap patriarki mengekang kebebasan wanita. Dalam konteks ini, feminisme menekankan autonomy individu dan persamaan formal sebagai ukuran keadilan. Sebaliknya, Hashim Kamali menawarkan perspektif yang lebih berasaskan maqasid syariah, di mana kesamarataan tidak semestinya bermaksud equality mutlak, tetapi lebih kepada keadilan substantif (equity) yang mempertimbangkan fungsi sosial, tanggungjawab moral, dan masalah masyarakat. Kamali menekankan bahawa peranan gender dalam Islam adalah berdasarkan prinsip keadilan dan keseimbangan, bukan peniruan literal terhadap hak lelaki, menunjukkan bahawa kesamarataan gender menurut Islam bersifat kontekstual dan berfungsi dalam kerangka moral serta syariah.

Patriarki dan Dominasi Sosial

Feminisme mengkritik struktur patriarki yang dilihat mengekalkan dominasi lelaki dan menindas wanita, baik dalam institusi keluarga mahupun ruang awam. Patriarki dianggap sebagai sistem kuasa yang memerlukan transformasi menyeluruh untuk membebaskan wanita daripada penindasan. Sebaliknya, Hashim Kamali menekankan bahawa struktur sosial dan peranan gender dalam Islam tidak bertujuan menindas wanita, tetapi untuk menjaga keharmonian sosial dan kesejahteraan keluarga. Kamali mengakui wujudnya penyalahgunaan kuasa dalam masyarakat Muslim kontemporari, namun cadangannya adalah reformasi berasaskan keadilan syariah, bukan penghapusan total struktur tradisional. Perbandingan ini menegaskan bahawa feminisme bersifat radikal dan menuntut transformasi sosial total, sementara Kamali mengambil pendekatan normatif yang berfokus pada keseimbangan antara hak individu dan tanggungjawab sosial.

Hak Kebebasan Wanita Bekerja

Dalam wacana feminisme, wanita mempunyai hak mutlak untuk bekerja dan menyertai ekonomi, tanpa halangan atau diskriminasi berdasarkan gender. Kerjaya dianggap instrumen penting untuk mencapai kebebasan ekonomi dan autonomi peribadi. Hashim Kamali menyokong hak wanita untuk bekerja, tetapi menegaskan bahawa kebebasan ini mesti mematuhi norma syariah dan tidak mengabaikan tanggungjawab keluarga serta struktur sosial. Hak bekerja bagi wanita menurut Kamali adalah sah selagi ia selari dengan tujuan maqasid syariah, iaitu menjaga maruah, kehormatan dan fungsi sosial. Perbandingan ini menunjukkan bahawa, meskipun kedua-dua perspektif bersetuju dengan penglibatan wanita dalam ekonomi, pendekatan feminisme lebih bebas dan bersifat individualistik, manakala Kamali lebih menekankan batasan moral dan tanggungjawab sosial.

Kebebasan Berhijab

Feminisme melihat pemakaian hijab sebagai pilihan individu, termasuk hak untuk tidak berhijab, tanpa tekanan sosial atau agama. Ia dianggap sebahagian daripada hak autonomi dan kebebasan peribadi. Perspektif Hashim Kamali pula menegaskan bahawa hijab adalah perintah syariah yang berfungsi menjaga maruah, identiti wanita dan tujuan moral dalam Islam. Kebebasan berhijab, menurut Kamali adalah dalam konteks ketaatan yang berasaskan pengetahuan dan pemahaman terhadap syariah, bukan hanya kebebasan tanpa batas. Analisis perbandingan ini menunjukkan perbezaan mendasar antara pendekatan sekular feminis yang menekankan kebebasan individu dengan pendekatan Kamali yang menekankan tanggungjawab moral dan nilai agama sebagai asas kepada hak wanita.

Perbandingan antara isu hak dan kedudukan wanita yang diketengahkan dalam feminisme dengan perspektif Hashim Kamali menunjukkan wujudnya titik temu dan titik perbezaan yang signifikan. Dari segi prinsip asas, feminisme menegaskan kesamarataan mutlak dalam hak sosial, politik dan autonomi individu, khususnya melalui penolakan terhadap struktur patriarki yang dianggap menghalang pembebasan wanita. Berbeza dengan itu, Hashim Kamali menekankan bahawa keadilan gender dalam Islam berasaskan konsep equity yang berpaksikan maqasid syariah, iaitu keadilan substantif yang mempertimbangkan fungsi sosial dan keutuhan struktur moral. Dalam aspek hak pendidikan dan peluang sosial, kedua-dua perspektif menunjukkan kesepakatan dengan menolak sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita. Namun, perbezaan jelas muncul dalam isu autonomi tubuh feminisme lebih cenderung memberikan kebebasan individu tanpa batas agama, manakala Kamali menegaskan bahawa kebebasan tersebut hendaklah berada dalam kerangka nilai dan norma syariah. Oleh itu, perbandingan ini memperlihatkan bahawa walaupun terdapat persilangan dari sudut tuntutan terhadap keadilan dan martabat wanita, pendekatan feminisme dan perspektif Kamali berbeza secara asas dalam menentukan sumber autoritatif serta batas moral dalam penetapan hak dan kedudukan wanita. Hashim Kamali diambil sebagai rujukan kerana beliau merupakan sarjana Islam moden yang menulis dalam konteks kontemporari, sejajar dengan isu semasa mengenai hak dan kedudukan wanita, sekaligus mengisi jurang literatur yang didominasi perspektif sekular Barat

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa hak dan kedudukan wanita dalam konteks kontemporari melalui lensa feminisme dan perspektif Hashim Kamali. Hasil analisis menunjukkan bahawa wujud persilangan dan perbezaan yang ketara antara kedua-dua pendekatan. Dari sudut persamaan, kedua-duanya menolak diskriminasi terhadap wanita, mengiktiraf kepentingan hak pendidikan, dan menekankan perlindungan maruah serta martabat wanita. Namun, perbezaan utama muncul dalam definisi kesamarataan, kebebasan individu, dan kerangka moral; feminisme menekankan kesamarataan mutlak dan autonomi individu tanpa batas, manakala Kamali menegaskan bahawa kebebasan dan hak wanita mesti berada dalam kerangka maqasid syariah, menyeimbangkan antara keadilan individu dan tanggungjawab sosial. Pemilihan Hashim Kamali sebagai rujukan adalah relevan kerana beliau mewakili pemikiran Islam moden dan kontemporari, menyediakan perspektif yang kritikal terhadap isu gender sambil mengekalkan kesahihan prinsip syariah. Kajian ini juga menekankan kepentingan pendekatan antara disiplin dalam memahami hak dan kedudukan wanita dalam masyarakat Muslim, terutama apabila wacana feminisme Barat sering diadopsi tanpa pertimbangan konteks Islam. Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada perluasan wacana akademik dengan menawarkan model analisis berasaskan maqasid syariah yang seimbang, yang mampu menjadi rujukan untuk pembangunan dasar, pendidikan, dan dialog antara feminisme serta pemikiran Islam moden. Implikasi kajian menekankan bahawa untuk mencapai keadilan gender yang sejati dalam masyarakat Muslim kontemporari, pendekatan kritikal yang menghormati nilai moral, norma sosial, dan prinsip syariah adalah amat diperlukan. Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk dijalankan secara empirik dan kontekstual bagi menilai penerapan pendekatan maqasid syariah dalam menangani isu hak dan kedudukan wanita, khususnya dalam realiti sosial masyarakat Muslim kontemporari yang berhadapan dengan pengaruh wacana feminisme global.

Rujukan

- Abu Zahrah, M. (1974). *Usul al-Fiqh*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Ahmed, L. (1992). *Women and Gender in Islam: Historical Roots of A Modern Debate*. New Haven: Yale University Press
- Ali, K. (2006). *Sexual Ethics and Islam: Feminist Reflections on Qur'an, Hadith, and Jurisprudence*. Oxford: Oneworld Publications.
- Alias, B. & Sa'ari, C. Z. (2006). *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Alias, B., Yakob, M. A., Saidon, R. & Lahuri, M. S. H. (2020). Analisis Isu Gender berdasarkan al-Quran bagi menangkis tuntutan persamaan hak antara lelaki dan wanita. *Journal of Contemporari Islamic Studies*. 6(2), 1-11.
- Alyati, W. F. & Zakaria, W. (2017). Gender equity and equality from Islamic perspective: Malaysian context. *Kafaah Journal*, 7(2), 123-129.
- Ayubi, Z. (2019). *Gendered Morality: Classical Islamic Ethics of the Self, Family, and Society*. New York: Columbia University Press.
- Azahar, N. A. A. & Rahman, N. F. A. (2022). Hak dan kedudukan wanita dalam Islam: Tumpuan pada konsep kesamarataan gender. *International Journal Of Religion, Arts And Humanities (IJRAH)*, 1, 141-153.
- Barlas, A. (2002). *“Believing Women” in Islam: Unreading Patriarchal Interpretations of the Qur’an*. Austin: University of Texas Press.
- Beauvoir, S. D. (1949). *The Second Sex*. Paris: Gallimard.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Kamus Dewan (Edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Friedan, B. (1963). *The Feminine Mystique*. New York: W.W. Norton.
- al-Ghazali, Muhammad. (1993). *Qadaya al-Mar’ah bayn al-Taqalid al-Rakidah wa al-Wafidah*. al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Hamami, T. & Barirotun, H. S. (1994). Kedudukan wanita dalam syariat Islam. *Al-Jami'ah Journal of Islamic Studies*, 56, 44-58.
- Hasan, R. & Ramli, R. (2022). Malaysia dan arus feminisme global: Pembangunan wanita dan hubungan antarabangsa Malaysia. *Journal of Strategic Studies & International Affairs*. 2(2), 128-150.
- Hasan, Z. (2012). *Shari’ah Governance in Islamic Banks*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Institusi Kefahaman Islam Malaysia. (2010). *Pemeriksaan Hak-Hak Wanita Islam*. Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi IKIM. Kuala Lumpur: Malaysia.
- Ismail, I. & Hassan, A. M. (2021) Pemikiran Sisters in Islam dan hak asasi manusia. *AKADEMIKA Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara*, 91(1), 151-164.
- Jasmi, K. A. (2021). Metode pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif untuk pengajian Islam dan pendidikan Islam. *Bengkel Reka Bentuk Penyelidikan Kualitatif, Siri 5*, Dewan Maya, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). 25-26 September.
- Kamali M. H. (2000). *Islamic Law in Malaysia: Issues and Developments*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers.
- Kamali M. H. (2008). *Maqasid Al-Shari’ah Made Simple*. London: International Institute of Islamic Thought.
- Kamali M. H. (2008). *The Right to Life, Security, Privacy and Ownership in Islam*. Cambridge: Islamic Texts Society.
- Kamali M. H. (2011). Maqasid al-Shari’ah and ijtihad as instruments of civilisational renewal: A methodological perspective. *ICR Journal*, 2(2), 245-271.

- Kamali M. H. (2011). *The Middle Path of Moderation in Islam: The Qur'anic Principle of Wasatiyyah*. Oxford: Oxford University Press.
- Kamali M. H. (2013). *The Middle Path of Moderation in Islam: The Qur'anic Principle of Wasatiyyah*. Oxford: Oxford University Press.
- Kamali M. H. (2013). *The Right to Life, Security, Privacy and Ownership in Islam*. Petaling Jaya: Ilmiah Publisher.
- Kamali M. H. (2017). *Shari'ah Law: Questions and Answers*. London: Oneworld Publications.
- Kamali M. H. (2020). Women in the workplace: Shariah and contemporary perspective. *ICR Journal*, 6 (3), 294-317.
- Kamali M. H. (2021). History and jurisprudence of the maqāsid: A critical appraisal. *American Journal of Islam and Society*, 38(3-4): 8-34.
- Kamali M. H. (2025). *Goals and Purposes of Shariah: Maqasid in Theory and Practice*. Oxford: Oxford University Press.
- Kamali, M. H. (2002). *Freedom, Equality and Justice in Islam*. Cambridge: Islamic Texts Society
- Lindemann, B. (2023). The first wave of feminism: A movement created by and for Americans. *Journal of Student Research*, 12(4), 1-5
- Majlis Agama Islam Selangor. (2023). Hak wanita vs lelaki. *MAIS*. <https://www.mais.gov.my/hak-wanita-vs-hak-lelaki/> [15 Mac 2026].
- Moghissi, H. (1999). *Feminism and Islamic Fundamentalism: The Limits of Postmodern Analysis*. London: Zed Books
- Muammar, K. (2009). *Atas nama kebenaran: Tanggapan kritis terhadap wacana Islam liberal*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Nor Azura. (2012). *Kemahiran Geografi*. Slaid: <https://www.slideshare.net/slideshow/kedudukan/12142710>.
- Nurvitasari, A. (2018). Jilbab, hijab, cadar, dan niqab: Memahami kesejarahan penutup tubuh perempuan. *Magdalene.co*. <https://magdalene.co/story/jilbab-hijab-cadar-dan-niqab-memahami-kesejarahan-penutup-tubuh-perempuan/> [15 Mac 2026].
- Othman, N. (2006). *Muslim Women and the Challenge of Islamic Fundamentalism/Extremism*. Kuala Lumpur: Sisters in Islam.
- al-Qaradawi, Y. (1995). *Markaz al-Mar'ah fi al-Hayah al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Maktabat Wahbah.
- Rahman, F. (1982). *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago: University of Chicago Press.
- Rahman, N. A. A. (2018). Hak atau kebebasan?. *KonsumerKini*, <https://www.konsumerkini.net.my/v2/index.php/berita-terkini/hak-asasi-manusia/152-hak-atau-kebebasan> [15 Mac 2026].
- Siraj, H. H. (2015). Kesaksamaan dan persamaan gender: Pro dan kontra dari perspektif sosial dan agama. Kertas kerja Wacana Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama. Jabatan Agama Islam Selangor. September.
- Sister in Islam. (2004). Ada Apa Dengan Tudung. <https://sistersinislam.org/ada-apa-dengan-tudung/> [25 November 2025].
- Tong, R. (2009). *Feminist Thought: A More Comprehensive Introduction*. Colorado: Westview Press.
- Tripathi. B. M. (2025). Feminist effects on patriarchy: A critical examination. *International Journal of Innovative Science and Research Technology*. 10(6): 1775-1779
- UN Women. (2020). *Gender Equality: Women's Rights in Review 25 Years After Beijing*. New York: UN Women.

- UN, United Nations. (1979). *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)*. New York: United Nations.
- Wadud, A. (1999). *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective*. Oxford: Oxford University Press.